

Putrajaya tidak buta kepada peningkatan 'membimbangkan' kematian dalam tahanan, kata Paul Low
Malaysian Insider
June 4, 2013
OLEH CLARA CHOOI

KUALA LUMPUR, 4 Jun — Peningkatan mengejutkan kematian tahanan telah membunyikan loceng penggera di Putrajaya, kata Datuk Paul Low (gambar), memberikan jaminan kerajaan berazam untuk menghentikan kematian dalam tahanan pada masa depan.

Menteri yang bertanggungjawab terhadap integriti dan rasuah memberitahu The Malaysian Insider walaupun terdapat persepsi negatif terhadap kerajaan, pentadbir dan Kabinet Najib sedar "sesuatu perlu dilakukan" sebelum kematian dalam tahanan semakin meningkat.

"Saya boleh beri jaminan kepada anda kerajaan sangat bimbang dengan peningkatan statistik dan sesuatu perlu dilakukan.

"Jangan fikir mereka buta terhadap apa yang berlaku di luar sana. Ia hanya proses kerajaan perlu mencari penyelesaian untuk menghentikan ini," katanya ketika dihubungi di sini.

Bekas presiden Transparency International Malaysia (TI-M) itu mengakui desakan daripada ahli Parlimen pembangkang agar Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) ditubuhkan, tetapi tidak akan bercakap tentang itu sekarang, menyatakan terdapat proses yang mesti dipatuhi dalam lingkungan rangka kerja kerajaan.

Beliau mengatakan terdapat saluran lain yang menguruskan isu kematian dalam tahanan seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ditubuhkan pada 2011 dan diberikan kuasa untuk menyiasat salah laku polis dan 18 lagi pihak berkuasa.

"Tetapi sudah tentu, pasti, kerajaan akan melihat keperluan untuk penambahbaikan. Mereka agak terbuka kepada pembaikan ... lagipun, mereka mahu memastikan keselamatan awam," kata Low.

Menteri baru dilantik itu, bagaimanapun, berkata perjuangan kerajaan dalam berhadapan dengan persepsi orang ramai, hari ini yang berada pada tahap rendah, terutamanya terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau berkata apa-apa persepsi negatif terhadap pasukan polis atau mana-mana agensi kerajaan dalam hal ini, tidak boleh hilang dengan mudah kecuali orang awam merasa yakin pentadbir tidak menyembunyikan kebenaran daripada mereka.

"Anda perlu untuk menyatakan kebenaran dan telus, ikhlas dalam tindakan yang anda akan ambil," katanya.

Low menambah bahawa kerajaan tidak harus bersikap defensif terhadap apa-apa kesilapan atau kemalangan yang telah berlaku dengan menafikan tanpa memberikan bukti, atau mereka akan berhadapan dengan permusuhan lebih besar rakyat Malaysia.

"Mengakui perkara perlu menjadi lebih baik. Ambil tanggungjawab dan kemudian membuktikannya melalui tindakan. Jika anda terus menafikannya, jelas orang akan melihat ia sebagai satu alasan yang lemah oleh kerajaan untuk tidak menyelesaikan masalah itu," katanya.

Seterusnya, kata Low konsisten adalah satu lagi kunci untuk meningkatkan persepsi orang ramai terhadap kerajaan dan membina kredibiliti.

"Ketiga-tiga perkara — menjadi benar, berhenti menjadi defensif, dan konsisten — adalah apa yang akan membantu membina kredibiliti di mata orang ramai, saya percaya," katanya.

Pasukan polis dicemuh oleh orang awam dan diperhatikan lagi baru-baru ini selepas menjadi tajuk-tajuk utama media kerana jumlah kematian dalam lokap tahun ini telah meningkat kepada tujuh orang.

Terbaru adalah kematian seorang tahanan di Negeri Sembilan, yang ketiga dalam sebulan, mendorong desakan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat sivil dan ahli politik pembangkang untuk membentuk IPCMC.

P. Karuna Nithi, 43, ditemui tidak sedarkan diri oleh anggota polis yang bertugas di sekitar 6.30 petang Sabtu di lokap balai polis Tampin dan diisytiharkan mati oleh paramedik dari hospital Tampin yang tiba di tempat kejadian.

Walaupun keputusan penuh bedah siasat masih belum dikeluarkan, ketua Polis negeri dilihat cuba membersihkan orang-orangnya daripada disalahkan apabila beliau memberitahu pemberita tidak ada "unsur jenayah" dan telah diklasifikasikan sebagai kematian mengejut.

Kematian Karuna Nithi tidak berapa lama selepas N. Dharmendran, 32, yang meninggal dunia hanya 11 hari lebih awal pada 21 Mei semasa di dalam tahanan di ibu pejabat polis kontinjen bandar di sini yang mencetuskan kegeparan awam lebih besar.

Satu laporan bedah siasat hospital pada Dharmendran didedahkan semalam berkata beliau telah meninggal dunia akibat dipukul berkali-kali.

Menurut kumpulan hak asasi Suaram, terdapat 218 kes kematian dalam tahanan yang didakwa berlaku di Malaysia dari tahun 2000 hingga bulan ini, dengan rekod menunjukkan sembilan daripada kes tersebut berlaku pada tahun 2012, manakala lapan lagi kes setakat ini berlaku pada tahun ini.

Satu Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penahanan Sewenang-wenang 2010 (United Nations Working Group on Arbitrary Detention 2010) yang melawat penjara Malaysia dan pusat tahanan melaporkan pada 2011 bahawa antara 2003 hingga 2007, "seramai 1,500 orang mati semasa ditahan pihak berkuasa".

Majlis Peguam, kumpulan masyarakat sivil dan beberapa ahli politik dari kerajaan dan pembangkang telah mendesak IPCMC ditubuhkan untuk melaksanakan reformasi terhadap pasukan polis semenjak 2006.

IPCCM dicadangkan pada 2005 oleh suruhanjaya diraja yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah tetapi ditentang oleh polis, seharusnya berdasarkan kepada model Suruhanjaya Bebas Aduan Polis United Kingdom (IPCC),

termasuk badan pemantau polis lain di New South Wales dan Queensland di Australia dan Hong Kong.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-tidak-buta-kepada-peningkatan-membimbangkan-kematian-dalam-tahanan-kata-paul-low/>